



## Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: [www.akademiarbaru.com/arsbs.html](http://www.akademiarbaru.com/arsbs.html)

ISSN: 2462-1951



### Kaedah Penulisan Hadis Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi dalam kitab *Siraj al-Talibin*

### *Methods of Writing the Hadith of Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi in the book of Siraj al-Talibin*

Open  
Access

Muhammad Masruri<sup>1,\*</sup>, Shah Rul Anuar Nordin<sup>1</sup>, Che Adenan Bin Mohammad<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia

#### ARTICLE INFO

#### ABSTRACT

##### **Article history:**

Received 3 September 2019

Received in revised form 15 November 2019

Accepted 20 November 2019

Available 26 December 2019

Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri merupakan ulama Nusantara yang mempunyai karya yang bernali tinggi. Antara karya beliau yang sangat bernali adalah *Siraj Al-Talibin*. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu falak, fiqh dan hadis, namun lebih dikenali sebagai pakar ilmu tasawuf. Namun, ramai yang belum mengenal kaedah beliau dalam meriwayatkan atau menyebutkan hadis dalam kitabnya. Penulisan ini menggunakan metode analisis dokumen terhadap penulisan hadis beliau dalam kitab *Siraj Al-Talibin*. Kitab ini merupakan kitab tasawuf yang banyak memaparkan hadis-hadis berkaitan dengan tasawuf. Dalam meletakkan hadis sebagai hujah, beliau menggunakan beberapa kaedah yang muktabar. Antara kaedah penulisan yang beliau gunakan adalah; rawi a'la, menyebutkan hukum hadis, menyebutkan kitab rujukan diambilnya hadis. Kitab ini banyak dibaca oleh kalangan akademik dan masyarakat awam serta menjadi bahan rujukan dan kajian di beberapa university di Indonesia, Eropah dan kawasan timur tengah.

*Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri is a scholar of high value works. Among his most valuable works is Siraj Al-Talibin. He has expertise in the fields of astrology, fiqh and hadith, but is best known as a syllabus. However, many do not yet know his method of narrating or citing the hadith in his book. This paper uses the document analysis method of writing his hadith in the book of Siraj Al-Talibin. This book is a book of Sufism that contains many Traditions related to Sufism. In presenting the hadith as an argument, he used several provocative methods. Among the writing methods he uses are; rawi a'la, citing the law of the hadith, citing the book of reference taken by the hadith. The book is widely read by academics and the public and has been a reference and study at several universities in Indonesia, Europe and the Middle East.*

##### **Kata kunci**

Karya, al-Jampasi, Nusantara, Siraj Al-Talibin

Work, Al-Jampasi, Nusantar, Siraj ul-Talibin

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

\* Corresponding author.

E-mail address: [masruri@uthm.edu.my](mailto:masruri@uthm.edu.my) (Muhammad Masruri)

## 1. Pengenalan

Kepakaran dan keunggulan para ulama Nusantara dalam bidang keilmuan telah memberikan perubahan yang besar dalam bidang kebudayaan dan peradaban intelektual Islam di Nusantara. Sumbangan mereka yang paling besar ialah karya-karya penulisan mereka yang memenuhi khazanah dunia Islam Nusantara sehingga menyuburkan suasana pengajian ilmu di rantau ini. Antara ulama Nusantara yang memiliki banyak karya-karya yang bermutu dan tersohor ialah Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri. Beliau merupakan salah satu ulama Nusantara yang mempunyai pengaruh amat besar sumbangannya dalam dunia pendidikan dan penyebaran ajaran Islam di rantau Nusantara pada abad ke-19. Dalam kehidupan harian, beliau lebih masyhur dikenal oleh kalangan masyarakat sebagai pengetua Pondok Pesantren Jampes di Dusun Jampes, kampung Putih, Kecamatan Gampengrejo, Kabupaten Kediri, Jawa Timur [15].

Nama beliau semakin dikenali oleh masyarakat sebagai seorang ulama ahli tasawuf yang amat hebat dan kesohor selepas kitab karangan beliau iaitu *Siraj Al-Talibin* menjadi bidang ilmu yang dipelajari hingga peringkat universiti, bahkan dikaji dibeberapa universiti di Timur Tengah dan Afrika seperti Universitas Al-Azhar, Kairo, Mesir.

Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri tidak hanya masyhur sebagai ulama ahli tasawuf. Beliau juga telah masyhur sebagai seorang yang pakar dalam bidang ilmu-ilmu falak, fekah, hadith, dan beberapa bidang ilmu agama lain. Karya-karya beliau tidak hanya tertumpu pada bidang ilmu tasawuf sahaja tetapi meliputi beberapa aspek, antaranya bidang akhlak, fekah, dan falak<sup>1</sup>. Karya-karya beliau telahpun menjadi bacaan dan rujukan para pelajar juga masyarakat.

Kajian ini dijalankan bagi memartabatkan keilmuan dan ketokohan Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri sebagai salah satu ulama yang menguasai bidang hadis dengan baik walaupun beliau dikenali sebagai pakar bidang tasawuf. Kajian ini merupakan kajian analisis dokumen dengan memberi tumpuan kepada kajian hadis-hadis yang terdapat dalam bab muqaddimah, *al-aqabah al-ula* dan *al-aqabah al-thaniah* yang terkandung dalam kitab *Siraj Al-Talibin* karya Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri.

## 2. Biografi Shaykh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri

Tidak banyak data dan sumber yang menguhuraikan secara mendalam tentang biografi Shaykh Ihsan Dahlan. Namun hanya ada beberapa buku dan penulisan tentang sejarah hidup beliau. Shaykh Ihsan lahir di Kediri pada tahun 1901 dengan nama asal Bakri, daripada pasangan Kiai Haji Dahlan dan Nyai Artimah. Ayah beliau Kiai Dahlan merupakan seorang kiai yang masyhur di daerah Kediri, Jawa Timur. Beliau menubuhkan Pondok Pesantren Jampes pada tahun 1888. Nasab Shaykh Ihsan daripada salasilah ibu iaitu Nyai Artimah merupakan anak perempuan Kiai Hj. Sholeh Banjarmelati Kediri. Manakala ayah beliau, Kiai Hj. Dahlan merupakan anak lelaki Kiai Hj. Saleh, seorang kiai yang berasal dari Bogor Jawa Barat, yang masih mempunyai hubungan nasab dengan Sunan Gunung jati (Sharif Hidayatullah) Cirebon.

Salasilah Shaykh Ihsan daripada sebelah nenek, iaitu Nyai Isti'anah ibu kepada Kiai Hj. Dahlan adalah anak perempuan Kiai Hj. Mesir yang merupakan anak lelaki Kiai Yuhada seorang ulama masyhur dari Pacitan, dan mempunyai hubungan nasab hingga kepada Panembahan Senapati, pendiri kerajaan Mataram Yogyakarta. Beliau juga cicit kepada Shaykh Hasan Baseri, seorang ulama masyhur dari Ponorogo dan masih ada hubungan nasab dengan Sunan Ampel.

<sup>1</sup> <https://kumpulanbiografiulama.wordpress.com/2013/07/30/biografi-syekh-ihsan-muhammad-dahlan-al-jampesi-kediri/>

Semasa Shaykh Ihsan masih kecil antara usia 6 tahun, ayah beliau Kiai Hj Dahlan bercerai dengan Nyai Artimah. Semenjak itu, beliau tinggal bersama ayah dan nenek beliau lingkungan pesantren. Semenjak kecil lagi beliau telah dikenali sebagai seorang kanak yang memiliki kecerdasan pikiran dan mempunyai daya ingat yang amat kuat. Beliau sangat rajin membaca buku-buku dan kitab-kitab agama serta bidang lain. Pada masa remaja, beliau mempunyai kebiasaan yang kurang baik. Beliau juga dikenal oleh masyarakat sebagai anak yang mempunyai masalah kenakalan remaja. Beliau sangat menyukai persembahan wayang kulit. Namun disebalik keadaan tersebut ada hikmah kebaikan yang tersembunyi. Melalui kisah-kisah wayang kulit ini, beliau mempelajari tentang pelbagai karakter kehidupan dan akhlak manusia. Namun kesukaan Kiai Ihsan muda kepada tempat-tempat keramaian merisaukan ayah dan neneknya kerana ianya lebih dekat dengan maksiat. Namun dengan petunjuk daripada Allah SWT, masa-masa ini tidak berlangsung lama karena kemudian Kiai Ihsan lekas bertaubat dan mendalami ilmu Tasawuf sebagai penyucian jiwa.

Shaykh Ihsan Jampes mempelajari ilmu agama Islam di beberapa pondok pesantren terkenal di Jawa. Antara pondok pesantren yang pernah beliau singgahi ialah: pondok pesantren Bendo Pare, Kediri, pondok pesantren Jamsaren, Solo, pondok pesantren Kiai Hj. Dahlan Semarang, pondok pesantren Punduh Magelang, dan pondok pesantren Gondanlegi.

Selepas ayahandanya meninggal, pentadbiran dan pengurusan Pondok Pesantren Jampes diserahkan kepada Syaykh Ihsan. Semasa beliau memimpin Pondok pesantren Jampes, terdapat banyak perkembangan dan perubahan yang beliau lakukan. Dalam bidang pembelajaran, beliau melakukan beberapa penggubalan dan penambahbaikan sistem pembelajaran yang lama. Sistem pembelajaran diubahsuai dengan menggunakan jadual yang disusun rapi serta kaedah yang lebih baik. Bagi menambahbaik kualiti Pondok pesantren Jampes, Shaykh Ihsan telah mendirikan Madrasah Mafatihul Huda pada 1942. Bilangan anak murid santeri yang berminat belajar di Pondok pesantren Jampes juga bertambah dengan cepat daripada tahun ke tahun (iaitu daripada 150 orang santeri menjadi 1000 orang santeri). Oleh hal yang demikian, Pondok Pesantren Jampes diperluas tempatnya hingga memerlukan 1,5 ekar tanah [15].

Sebagai seorang Kiai yang masyhur, Shaykh Ihsan telah memiliki ramai murid yang mengembangkan dan meneruskan usaha dakwah beliau. Antara murid Shaykh Ihsan yang mewarisi dan meneruskan perjuangan beliau dalam berdakwah melalui pondok pesantren ialah: Kiai Soim, pimpinan pondok pesantren Tangir Tuban, Kiai Hj. Zubaidi Mantenan Blitar, Kiai Hj. Mustholih Kesugihan Cilacap, Kiai Hj. Busyairi Sampang Madura, Kiai Hambili Plumpon Cirebon, dan Kiai Khazin Tegal.

Shaykh Ihsan Jampes meninggal dunia pada hari Isnin, 25 Zulhijjah 1371 H atau bulan September 1952 di Jampes, Kediri. Beliau meninggalkan ribuan santeri, seorang isteri dan delapan anak. Beliau juga telah mewariskan seluruh ilmu yang sangat bernilai kepada para santeri juga kepada masyarakat. Demikian juga telah menghasilkan beberapa karya besar yang amat tinggi nilainya sebagai khazanah bagi dunia Islam.

### 3. Karya-karya Shaykh Ihsan Jampes

Shaykh Ihsan Jampes merupakan ulama yang produktif, dalam usia masih muda iaitu umur 29 tahun, beliau telah menulis kitab *Tasrif al-Ibarat* sebuah kitab dalam bidang ilmu falak. Hal ini menunjukkan kecerdasan dan keilmuan beliau. Kemudian pada usia 31 tahun, beliau telah menyelesaikan kitab *Siraj al-Talibin*. Kitab ini merupakan karya terbesar beliau dalam bidang tasawuf. Kitab *Siraj al-Talibin* ini selesai ditulis pada tahun 1933 dan diterbitkan pertama kali pada 1936 oleh penerbit dan percetakan An Banhaniyah milik Salim bersaudara di Surabaya. Percetakan dan

penerbitan ini bekerjasama dengan penerbit Mustafa al-Baby Halabi Kaherah, Mesir. Mereka menerbitkan kitab tersebut di Mesir. Antara karya Shaykh Ihsan Jampes yang lain adalah:

1. *Manahij al-Imdad* (syarah kepada kitab *Irsyad al-'Ibad* karya Syaikh Zainudin al-Malibari), diterbitkan pada tahun 1940. Buku ini menghuraikan mengenai ilmu tasawuf.
2. *Irshad al-Ihwani fi Bayan Hukmi Shurb al-Qahwah wa al-Dukhan* syarah kepada kitab *Tadzkirah al-Ikhwan fi Bayani al-Qahwah wa ad-Dukhan* karya Kiai Hj. Ahmad Dahlan (Semarang), Buku ini membincangkan tentang hukum merokok dan meminum kopi.

#### 4. Sumbangan Shaykh Ihsan Jampes bagi Masyarakat

Sebagai seorang ulama pendidik yang telah menghasilkan karya besar, Shayh Ihsan telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada masyarakat Muslim di Indonesia bahkan masyarakat dunia. Sebagai seorang kiai, Shayh Ihsan telah menumpukan seluruh perhatian, pemikiran dan tenaga beliau bagi mengabdikan diri untuk mendidik dan memberi tunjuk ajar mengenai ilmu agama dan akhlak yang mulia kepada para santeri dan masyarakat. Hari-hari beliau dipenuhi dengan aktiviti spiritual dan intelektual. Kehidupan harian beliau ditumpukan untuk mengajar santeri (mengaji), solat jama'ah, solat malam, membaca kitab, ataupun menulis kitab. Meskipun seluruh waktu beliau ditumpukan untuk mengajar santeri, shaykh Ihsan tidak melupakan masyarakat awam. Beliau dikenal memiliki imu hikmah dan menguasai bidang pengubatan. Hampir setiap hari, beliau memberikan masa bagi menerima tetamu dari pelbagai daerah bagi memberikan rawatan dan pengubatan serta bantuan lain.

Pada masa revolusi fisik 1945, Shaykh Ihsan juga banyak membantu perjuangan bangsa. Pondok Pesantren Jampes selalu menjadi tempat singgah para pejuang yang hendak berjuang mempertahankan kedaulatan negara daripada penjajahan Belanda. Bahkan, beberapa kali Shaykh Ihsan turut mengirim anak murid beliau untuk ikut berjuang di baris hadapan membela tanah air [7].

#### 5. Kitab *Siraj al-Talibin*

Kitab *Siraj al-Talibin* merupakan *sharah* kepada kitab *Minhaj al-'Abidin* karya Imam al-Ghazali, kitab ini menghuraikan masalah-masalah tasawuf dengan kajian yang amat luas. Dalam mukaddimah kitab Shaykh Ihsan memberikan penjelasan bahawa kitab ini disusun berdasarkan pengumpulan dan pindaan daripada pandangan-pandangan ulama yang pakar dalam bidang tasawuf. Dalam syarahan kitab berkenaan permasalahan mengenai amalan-amalan yang berhubung dengan tasawuf, beliau banyak menukilkan hadis-hadis daripada kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Tirmidhi, Sunan Nasa'i, Sunan Ibni Majah, al-Mustadrak Imam Hakim dan beberapa kitab hadis lain. Beliau juga mengambil pandangan daripada beberapa ulama pakar bidang *jarr wa al-ta'dil*<sup>2</sup> bagi menentukan hukum atau status sesebuah hadis. Daripada hasil kajian analisis kandungan yang telah dibuat oleh pengkaji dalam bab muqaddimah, *al-'aqabah al-ula* dan *al-'aqabah al-thaniah* terdapat 138 hadis yang digunakan oleh Shaykh Ihsan sebagai hujah bagi sesetengah perbincangan. Ia disebutkan dengan menggunakan kaedah penulisan yang berbeza-beza.

<sup>2</sup> Iaitu suatu ilmu yang membincangkan sifat-sifat seorang perawi hadis, sama ada diterima ataupun ditolak. (lihat Muhammad Abu Syahbah. 2006. Al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith. Maktabah al-Sunnah Kaherah).

## 6. Metodologi penulisan hadis dalam kitab Siraj al-Talibin

Dalam kajian bab muqaddimah, *al-'aqabah al-ula* dan *al-'aqabah al-thaniah* kitab *Siraj al-Talibin*, pengkaji telah mendapati beberapa kaedah yang digunakan oleh Shaykh Ihsan Jampes dalam penulisan hadis, antaranya:

1. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menulis lafaz (hadis yang disabdakan) Contoh:

الذى قيل فيه (من يرد الله به خيراً يفقهه في الدين)

Hadis yang disabdaka: “Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah kebaikan, maka Allah akan memberikan pengetahuan kepadanya tentang ilmu agama” [2,8,11,17,22].

Kaedah penulisan seperti ini masih amat menyukarkan pengkaji bagi mengetahui status sebuah hadis apakah ianya hadis *marfu'* atau hadis *mauquf* atau *maqtu'*. Apakah ianya hadis *sahih*, *hasan* ataupun *da'if*. Bagi mengetahui status hadis yang seperti disebutkan di atas, ianya perlu menggunakan pelbagai kaedah takhrij hadis.

2. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menulis pengarang kitab yang menyebutkan hadis daripada pengeluar hadis daripada *rawi al-a'la*<sup>3</sup> dan ulama pengeluar hadis serta pendapat ulama tentang status hadis kemudian menjelaskan bahawa hadis tersebut adalah *marfu'*. Contoh:

قال العلامة الزبيدي: روى أبو داود في الملاحم والحاكم في الفتن وصححه والبيهقي في المعرفة من حديث أبو هريرة رضي الله عنه رفعه (إن الله تعالى يبعث لهذه الأمة عن رأس كل مائة من يجدد لها أمر دينها) قال العراقي وغيره سنته صحيح

Al-'Allamah al-Zubaydi berkata: diriwayatkan Abi Dawud dalam kitab *al-Malahim* dan *al-Hakim* dalam kitab *al-Fitan* dan dikatakan sahih oleh beliau, oleh al-Bayhaqi dalam kitab *al-Ma'rifah* daripada hadis Abu Hurairah r.a. secara *marfu'*<sup>4</sup>(sesungguhnya Allah SWT mengutus kepada umat ini dalam kurun setiap seratus tahun seorang yang memperbaiki dan membuat inovasi dalam hal agama [5,10,21] .Al-Iraqi dan lainnya [12] mengatakan bahawa sanad hadis adalah sahih.

Kaedah seperti ini boleh mengesan bahawa hadis ini adalah *marfu'* daripada Rasulullah SAW, dan status hadis pula telah boleh dikesan dengan telah diletakkan pendapat ulama mengenai hadis di atas, walau bagaimanapun kajian takhrij dan dirasah asanid terhadap sanad hadis ini masih perlu dilakukan.

3. Terkadang menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menuliskan lafaz (beramat dengan hadis nabi) Contoh:  
فَكَافِئُوهُ إِنْ لَمْ تَكَافِئُوهُ فَادْعُوا لَهُ) عَامِلاً بِقُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (مَنْ أَسْدَى إِلَيْكُمْ مَعْرُوفًا

<sup>3</sup> *Rawi al-a'la* ialah seorang perawai yang meriwayatkan hadis langsung daripada Rasulullah SAW tanpa perantara, ianya boleh seorang sahabat apabila berupa hadis *marfu'*, dan boleh seorang tabi'in apabila hadis mursal, lihat Muhammad Abu Layth al-Khayrabad. 1999. *Takhrij al-Hadith Nashaatuhu wa manhajiyatuh*. Selangor: Dar al-Shakir. Hlm 86.

<sup>4</sup> Hadis *marfu'* ialitu hadis yang periyatannya sampai kepada Nabi SAW. Lihat Muhammad Abu Layth al-Khayrabad. 1999. *Takhrij al-Hadith Nashaatuhu wa manhajiyatuh*. Selangor: Dar al-Shakir. Hlm 86.

(Sesiapa yang memberi kebaikan kepada Anda maka balaslah ia. Jika Anda tidak mampu membalaunya maka doakanlah ia) [4,12].

4. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menggunakan lafaz Nabi SAW bersabda) sahaja. Contoh:

قال صلي الله عليه وسلم "أوتيت جوامع الكلم واحصر لي الكلام إختصارا"

Nabi SAW bersabda: "Aku diberi kurnia seluruh kalimat, dan kalimat itu telah diringkas untukku" [2]

Dengan penggunaan kaedah penulisan hadis seperti ini no 3 dan 4, maka pengkaji belum boleh mengetahui secara pasti apakah ianya hadis *sahih*, *hasan* ataupun *da'if*.

5. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan dimulakan lafaz . عما بخبر .

Contoh:

رواه أبو داود وحسنه ابن الصلاح عما بخبر (كل امر ذي بال لا يبداء ببسم الله الرحمن الرحيم فهو اقطع)  
وغيره

Mengamalkan hadis (Setiap perbuatan yang tidak dimulai dengan bismillahirrahmanirrahim (dengan menyebut nama Allah yang maha pemurah lagi maha mrngasihan) maka ianya tidak sempurna" [5,20]. Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dihukumi hasan oleh Ibn Salah dan lainnya.

Walaupun kaedah penulisan hadis yang seperti ini telah meletakkan rujukan pengambilan hadis serta pandangan ulama tetapi ianya tidak meletakkan sanad dan tidak dijelaskan siapa perawi utama hadis sehingga belum boleh dikesan apakah hadis *marfu'* yang hingga kepada Nabi atau hadis *mauquf* iaitu yang hingga kepada sahabat sahaja.

6. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut kitab dan pengarang kitab dengan memberiuraian bahawa hadis tersebut adalah *marfu'*. Contoh:

وقد أخرج الترمذى في جامعه حديثاً مرفوعاً ذكر فيه عن الرب سبحانه وتعالى انه قال ( وذلك إني جواد ماجد)

al-Tirmidhi mengeluarkan hadis *marfu'*dalam kitab *Jami'*nya disebutkan daripada Allah Tuhan Maha suci dan Maha Tinggi berfirman (Dan demikian itu, Sesungguhnya Aku (Allah) adalah Zat Yang Maha Murah hati lagi Maha Mulia) [22].

7. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut kitab sahaja. Seperti:

وفي رواية الترمذى أن رسول الله صلي الله عليه وسلم قال (لما خلق الله الجنة ارسل جبريل الى الجنة فقال انظر اليها....)

Didalam riwayat al-Tirmidhi, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:" Ketika Allah menciptakan syurga, Allah mengutus Jibril kepadanya dan berfirman: lihatlah kepadanya [5,11,22]

Dengan kaedah penulisan seperti no 6 dan 7, maka pengkaji boleh mengesan sumber asal penulisan hadis dan status hadis sebagai hadis daripada Nabi SAW, tetapi belum boleh mengetahui hukum hadis.

8. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut lafaz ) قوله صلي الله عليه وسلم ( sahaja. (Sabda Baginda SAW sahaja) Contoh:

(قوله صلي الله عليه وسلم (لا تفضلوني عن الانبياء)

Sabda Baginda SAW: "Janganlah kalian mengunggulkanku daripada para Nabi" [8,17].

Kaedah penulisan yang digunakan oleh penulis seperti ini masih amat sukar bagi mengetahui status dan sumber asal hadis dan ianya perlu diketahui kajian takhrij hadis.

9. Menggunakan penulisan hadis dengan menyebut maknanya sahaja. Dalam beberapa huraiyan kitab ini, Shaykh Ihsan banyak menggunakan periyawatan hadis dengan makna sahaja. Beliau juga menyebutkan beberapa ulama yang membolehkan riwayat hadis dengan makna. Antaranya adalah Ali bin Abi Talib, Ibn 'Abbas, Anas bin Malik, Abu Darda dan Wailah bin al-Aqsa daripada kalangan sahabat. Manakala daripada tabi'in seperti Hasan al-Basri, al-Shi'bī, 'Amru ibn Dinar, Ibrahim al-Nakha'i, Mujahid dan 'Ikrimah. Ibn Sirin berkata bahawa beliau mendengar hadis daripada 10 perawi dengan lafaz yang berbeza-beza tetapi ianya mempunyai makna yang sama. Para sahabat meriwayatkan hadis daripada Nabi SAW dengan lafaz yang berbeza. Ada yang boleh meriwayatkan hadis dari Nabi SAW dengan lafaz dan makna yang sempurna, ada yang boleh meriwayatkan hadis dengan maknanya sahaja dan ada yang meriwayatkan hadis secara ringkas [14].

10. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut lafaz (وَقَدْ وَرَدَ) (and telah sampai hadis) Shafi'I mengambil dalil masalah tersebut dengan hadis

Seperti lafaz:

أَنْزَلَ الْقُرْآنَ عَلَيْهِ سَبْعَةً أَحْرَفٍ (وَقَدْ وَرَدَ)

al-Shafi'I mengambil dalil masalah tersebut dengan hadis (al-Quran diturunkan atas tujuh huruf) [8,11,22]

11. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut lafaz (وَقَدْ وَرَدَ) (and telah sampai hadis)  
Contoh:

وَقَدْ وَرَدَ (أَنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنَحَتِهَا طَالِبُ الْعِلْمِ)

Telah sampai hadis (sesungguhnya para Malaikat meletakkan sayapnya kerana para pelajar agama)[2,11,22]

12. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut lafaz (Yang diutus membawa syarak bersabda)

Contoh:

وَصَاحِبُ الشَّرْعِ يَقُولُ (تَنَاهَوْا تَنَاسَلُوا)

Pemilik/Pemangku Syarak bersabda: "Nikahlah kalian, banyakkan keturunan" [6].

13. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut lafaz (أَلَا تَسْمَعُ قَوْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) (hendaknya kamu Dengarkan sabda Nabi SAW)

Kaedah penulisan yang digunakan penulis seperti no 10 dan 11 juga masih amat sukar untuk mengetahui apakah ianya hadis *marfu'* atau hadis *mauquf*, apakah ianya hadis *sahih*, *hasan* ataupun *da'if*, manakala kaedah no 12 dan 13 sudah boleh diketahui bahawa ianya adalah hadis *marfu'* tetapi belum diketahui status hukum hadis.

14. Dalam menulis sesebuah hadis Shaykh Ihsan Jampes juga terkadang menyebutkan sanad daripada pengarang kitab yang dinukil hadisnya hingga kepada Rasulullah SAW, serta dengan menuturkan hukum hadis tersebut Seperti hadis:

وقال العراقي: رواه الحاكم من رواية عدي بن الفضل عن عبد الرحمن بن عبد القاسم بن عبد الرحمن عن أبيه عن ابن مسعود قال: تلا رسول الله صلى الله عليه وسلم (فمن يرد الله) (الانعام:125)، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : وقد سكت عليه الحكم وهو : إن النور إذا دخل الصدر افسح، فقيل يا رسول الله : هل لذلك من علم يعرف؟ نعم فذكره ضعيف

Al-Iraqi berkata: Diriwayatkan oleh al-Hakim daripada riwayat ‘Adi bin al-Fadl daripada Abd al-Rahman bin Abd Allah al-Mas’udi daripada al-Qasim bin Abd al-Rahman daripada bapanya daripada Ibn Mas’ud berkata: Rasulullah SAW membaca (Sesiapa yang dikehendaki Allah)(al-An’am:125), kemudian Baginda bersabda:”Sesungguhnya apabila Cahaya masuk ke dalam dada , maka dada menjadi lega, dikatakan, wahai Rasulullah apakah itu daripada ilmu yang difahami (ilmu makrifat), Ya, kemudian baginda menyebutkannya [6,10] . Al-Iraqi berkata; al-Hakim tidak berkomentar terhadap status hadis ini, ia adalah da’if.

15. Dalam syarah kitab Shaykh Ihsan Jampes juga menghuraikan bahawa hadis *mawdu’* seperti hadis *mawdu’* yang terdapat dalam kitab *al-Mawdu’at* karya Ibn al-Jawzi ada yang maknanya *sahih* kerana bersamaan dengan hadis *sahih* atau makna daripada al-Qur'an sebagaimana telah djelaskan oleh al-Suyuti dan lainnya.

16. Shaykh Ihsan Jampes dalam syaranan kitab juga menghuraikan bahawa hadis *da’if* boleh bertambah kuat statusnya daripada *da’if* kepada *hasan li ghayrih* apabila ianya terdapat banyak riwayat.

## 7. Implikasi Kajian

Metode penulisan hadis Shaykh Ihsan Jampes dalam kitab *Siraj al-Talibin* menggunakan kaedah yang berbeza-beza. Antara kaedah yang disebutkan adalah; beliau menukil daripada kitab-kitab sumber asal dan serupa asal, terkadang dengan menyebut sanad hadis atau dengan tanpa menyebut sanad secara penuh, atau bahkan hanya dengan menyebut hadis sahaja. Beliau juga menyebutkan hadis-hadis *da’if* dan menyatakan bahawa ianya boleh menjadi kuat statusnya apabila terdapat riwayat sebagai shawahid atau mutaba’at<sup>5</sup>. Justeru beliau juga menyebutkan riwayat hadis dengan makna sahaja dengan berasaskan kepada beberapa pandangan ulama daripada kalangan sahabat dan tabi’in. Penggunaan kaedah penulisan di atas tidak menjelaskan ketokohan beliau sebagai antara seorang ulama yang masyhur dalam bidang ilmu agama dan beliau juga boleh dikategorikan sebagai ulama yang mempunyai kepakaran dalam bidang hadis.

## 8. Kesimpulan

Shaykh Ihsan Jampes sebagai salah seorang ulama yang masyhur mempunyai karya-karya amat bermutu dan tinggi nilainya bagi khazanah keilmuan di rantau Nusantara ini. Sumbangan beliau bagi

<sup>5</sup> Shahahid iaitu adanya dua hadis yang sama secara makna dan lafaz atau hadis yang mempunyai makna atau lafaz berdekatan erti yang diriwayatkan daripada dua sahabat, manakala adalah apabila seorang perawi meriwayatkan hadis dan perawi lain juga meriwayatkan hadis yang sama dalam erti lain hadis yang diriwayatkan perawi bersesuaian dengan perawi lain, lihat Nur al-Din ‘Itr. 2003/1424 H. *Manhaj al-Naqd fi Ulüm al-Hadith*. Bayrut: Dar al-Fikr.

masyarakat dan kalangan akademik amatlah besar dengan adanya karya-karya beliau yang sentiasa menjadi bacaan dan rujukan bagi mereka. Daripada hasil kajian penulis maka didapati bahawa Shaykh Ihsan Jampes tidak hanya dikenali sebagai pakar tasawuf sahaja, tetapi beliau juga dikenali dalam bidang ilmu falak, fekah dan hadis. Daripada hasil analisis terhadap kandungan kitab *Siraj al-Talibin*, maka pengkaji mendapati bahawa dalam syarahan Shaykh Ihsan Jampes terhadap kitab *Minhaj al-'Abidin*, beliau banyak menuturkan hadis-hadis sebagai huraian bagi pandangan-pandangan Imam al-Ghazali. Beliau juga mengambil pandangan beberapa ulama tasawuf. Dalam penulisan hadis, beliau menggunakan beberapa kaedah yang berbeza-beza. Kaedah yang belaiu gunakan adalah berasaskan kepada ilmu *mustalah hadis*, riwayat hadis dan ilmu tentang *takhrij hadis*. Maka hal ini boleh menunjukkan tentang kepakaran dan keluasan ilmu beliau dalam bidang hadis.

## Rujukan

- [1] Motzki, Harald. "The Muṣannaf of 'Abd al-Razzāq al-Sanī as a Source of Authentic Ahādīth of the First Century AH." *Journal of Near Eastern Studies* 50, no. 1 (1991): 1-21.
- [2] Hanbal, Ibn, and Ahmad ibn Muhammad. "al-Musnad." *Qohiroh. Dār Al-Hadīs* (1995).
- [3] Dāwud, Abū. "Sunan Abī Dāwud." *Baerut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, Tt* (2005).
- [4] al-'Ajlūnī, I.M. (1933). *Kashf al-Khafā*. Vol. 2. Damsyik: Maktabah al-Quds.
- [5] al-Albanī, M.N. (1988). *Da'if Sunan Abi Dawud*. Vol. 2. Riyād: Maktabah al-Mā'arif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- [6] al-Bayhaqī, A.A. (2003). *al-Jāmi' li Shu'āb al-īmān*. Vol. 7. *Tahqīq: 'Abd 'Ali 'Abd Hamīd*. Riyād: Maktabah al-Rushd.
- [7] Bibr Suprapto. (2009). Ensiklopedi Ulama Nusantara. Jakarta: Gelegar Media Indonesia.
- [8] al-Bukhārī, A. M. (1980). *al-Jāmi' al-Sahih*. Vols. 1 & 6. Cairo: al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- [9] Mājah, Ibn, and Abū'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd. "Sunan Ibn Mājah." *Baerut: Dār al-Fikr, Tt* (1952).
- [10] Al Naisaburi, Hakim, and Abdulllah Al-Hākim. "Al Mustadrak." *Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah* (1990).
- [11] ibn Hibban, Muhammad. "Sahih Ibn Hibban." (1988).
- [12] al-'Irāqī, A.A. (1995). *Al-Mughnī 'an Haml al-Asfār*. Vol. 2. Riyād: Maktabah Tabriyyah.
- [13] Al-Jampasi, S.I. (2000). *Tanqīh al-Qawl*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- [14] Jampes, Syaikh Ihsan. *Kitab Kopi dan Rokok*. PUSTAKA PESANTREN, 2009.
- [15] Ali, M. & Mahbub, D. (2009). *Pengantar Kitab Kopi dan Rokok*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren.
- [16] al-KhayrAbadī, M.A. (1999). *Takhrij al-Hadith : Nasya'atuhu wa Manhajiatuh*. Selangor: Dar al-Shakir.
- [17] muslim, A. H. (2006). *Al-Jami' al-Sahih*. Vol. 2. Riyadh: Dar al-Taybah.
- [18] Noresah, et al. (2013). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [19] Nur al-Din 'Itr. (2003). *Manhaj al-Naqd fi Ulūm al-Hadīth*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- [20] al-Sakhāwi, M.A. (1972). *Fayd al-Qadīr Sharh al-Jāmi' al-Saghīr*. Vol. 5. Bayrut: Dar al-Mārifah.
- [21] al-Tabrānī, A.S.(1995). *al-Mu'jam al-Awsat*. Vol. 6. *Tahqīq Tāriq ibn 'Awd Allah*. Kaherah: Dar al-Haramayn.
- [22] al-Tirmidhī, M.S. (1997) *Al-Jāmi' al-Sahih Sunan Tirmidhī*. Vols. 4&5. *Tahqīq Ahmad Muhammad Shākir Cairo: Muṣṭafā al-Babī Halabī*.